



يونيورسيتي كبعشاءن مليسيا

FAKULTI PENDIDIKAN

TAJUK :

**KONSEP TA'DĪB
DALAM PENDIDIKAN ISLAM**



NAMA : MOHD ZAINUL ARIFIEN BIN MOHD JAID

NO. MATRIK : P39096

PROGRAM : SARJANA PENDIDIKAN

KURSUS : GC 6423

TAJUK KURSUS : SUMBER-SUMBER PENDIDIKAN ISLAM

PENSYARAH : DR. AB. HALIM TAMURI

Pendahuluan

Pendidikan merupakan salah satu daripada aspek penting dalam kehidupan dan tamadun manusia. Tahap pendidikan menentukan sejauhmana ketamadunan sesuatu bangsa. Islam sejak dari mula lagi menegaskan akan kepentingan pendidikan. Sebab itu wahyu pertama diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW berkaitan dengan pendidikan. Oleh kerana pendidikan sangat penting, maka sarjana-sarjana Islam telah membahaskan tentang ta'rif pendidikan supaya wujud satu keselarasan dalam memahami konsep dan tujuan pendidikan.

Pemahaman yang tepat terhadap istilah dan konsep pendidikan sangat perlu kerana kefahaman itu akan memberi kesan dan impak terhadap hala tuju dan matlamat akhir pendidikan tersebut. Istilah yang tepat juga sangat penting kerana falsafah pendidikan yang hendak dibina sangat berkait rapat dengan definisi yang digunapakai. Kesilapan dalam menanggapi istilah pendidikan boleh menyebabkan seluruh generasi yang dihasilkan oleh sesuatu sistem pendidikan itu “rosak”. Sebagai contoh, kesilapan pihak berwajib memansuhkan Tulisan Jawi dalam pendidikan lebih 16 tahun dahulu, menyebabkan lahirnya satu generasi yang bukan sahaja buta jawi, tetapi juga buta al-Qur'an.

Definisi Pendidikan

Perbincangan mengenai istilah pendidikan banyak diperkatakan oleh sarjana-sarjana Islam terutamanya pakar-pakar dalam bidang pendidikan sehingga mewujudkan berbagai perspektif dan kepelbagaian dalam mengemukakan definisi pendidikan.

Menurut Dr. Sāleh bin ʿĀli Abu ʿArrād (2007), wujudnya kepelbagaian dalam menanggapi istilah tersebut disebabkan istilah pendidikan (التربية) tidak disebut secara lansung samada di dalam al-Quran ataupun di dalam Hadis Rasulullah SAW. Menurut beliau, di dalam kitab-kitab terdahulu (kitab lama) sekurang-kurangnya terdapat sepuluh istilah yang digunakan oleh para ʿulamā' dalam menghuraikan maksud dan makna

pendidikan. Antaranya istilah al-Tansyi'ah (التنشئة), al-Islāh (الإصلاح), al-Ta'dīb atau al-Adab (التأديب أو الأدب), al-Tahzīb (التهذيب), al-Taṭhīr (التطهير), al-Tazkiyyah (التزكية), al-Ta'lim (التعليم), al-Siyāsah (السياسة), al-Nash wa al-Irsyād (النصح والإرشاد) dan al-Akhlāq (الأخلاق). Kesemua istilah tersebut walaupun berbagai, mempunyai maksud dan tujuan yang sama iaitu merujuk kepada satu proses untuk melahirkan insan yang baik bagi memakmurkan bumi selaras dengan tugasnya sebagai khalifah Allah.

Di dalam Bahasa Arab istilah yang biasa dan sering digunakan adalah al-Ta'lim (عَلَّمَ) seperti yang terkandung dalam firman Allah;

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ
هَٰؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ¹

Maksudnya;

“Dan Dia (Allah) telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu ia berfirman: "Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan Yang benar".”

Selain daripada istilah al-Ta'lim, istilah al-Tarbiyyah (ربيانى) juga sering digunakan dalam mentakrifkan pendidikan. Firman Allah;

وَأَخْفَضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُل رَّبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي
صَغِيرًا ²

Maksudnya;

“Dan hendaklah Engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, Dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil”.

Oleh kerana wujud ketidakseragaman dalam penggunaan istilah pendidikan di kalangan umat Islam, maka sarjana-sarjana Islam telah mengambil inisiatif untuk duduk bersama mencari penyelesaian. Persidangan Dunia Pertama mengenai Pendidikan Islam yang diadakan di Mekah pada tahun 1977 menegaskan bahawa pendidikan didefinisikan sebagai al-Tarbiyyah, al-Ta^ʿlim dan juga al-Ta'dīb secara bersama. Manakala tujuan pendidikan dalam Islam adalah untuk melahirkan manusia yang baik (al-Attas. 1977).

Konsep al-Ta'dīb

Gagasan pendidikan sebagai al-Ta'dīb dikemukakan oleh Profesor Syed Mohd Naquib al-Attas berdasarkan pemahaman beliau terhadap sabda Rasulullah SAW;

Yang bermaksud;

“Tuhanku (ALLAH) telah mendidikku (addabānī) dan menjadikan pendidikanku (ta'dībī) yang terbaik”

Istilah al-Ta'dīb juga sering digunakan oleh masyarakat Arab pada zaman dahulu dalam melaksanakan proses pendidikan. Perkataan adab dalam tradisi masyarakat Arab dikaitkan dengan kemuliaan dan ketinggian peribadi seseorang. Beliau berpendapat bahawa istilah al-Ta'dīb lebih khusus maknanya berbanding dengan istilah al-Tarbiyyah dan al-Ta^ʿlim. Beliau kurang bersetuju dengan penggunaan istilah al-Ta^ʿlim dan al-Tarbiyyah kerana menurut beliau kedua-dua istilah tersebut kurang tepat maknanya berbanding dengan al-Ta'dīb. Istilah al-Tarbiyyah yang sering digunakan oleh masyarakat Arab sekarang terlalu luas skop dan maknanya.

¹ Al-Qur'ān, Al-Baqarah 2:31

² Al-Qur'ān, Al-Isrā' 17:24

Penggunaan kalimah al-Tarbiyyah oleh masyarakat Arab juga digunakan untuk binatang dan tumbuh-tumbuhan yang membawa maksud memelihara, membela dan menternak (Hasan Langgulung. 1987). Manakala al-Ta^lim secara umumnya hanya terbatas kepada pengajaran dan pendidikan kognitif semata-mata (Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005). Pendidikan dengan maksud al-Ta^lim pada al-Attas mengabaikan nilai akhlak dan adab. Apa yang dipentingkan dalam al-Ta^lim adalah proses pemindahan ilmu daripada al-mu^lallim kepada para pelajar. Justeru itu beliau mencadangkan istilah al-Ta'dīb kerana kalimah tersebut ada hubungan yang jelas dan rapat antara pengetahuan dan adab.

Dengan demikian al-Attas mendefinisikan pendidikan sebagai proses penitisan sesuatu (ilmu/adab) ke dalam diri manusia. (Mohd Yusuf Ahmad. 2002). Sebab itu semasa membentangkan kertas kerja bertajuk *The Concept Of Education In Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education* dalam Persidangan Kedua Mengenai Pendidikan Islam di Islamabad pada tahun 1980, beliau telah sekali lagi mengukuhkan konsep al-Ta'dīb dalam pendidikan. Beliau menjelaskan (al-Attas. 1980);

“Ta'dīb already includes within its conceptual structure the element of knowledge (ilm), instruction (ta^lim), and good breeding (tarbiyyah), so that there is no need to refer to the concept of education in the Islam as tarbiyyah- ta^lim-ta'dīb all together. Ta'dīb is then the precise and correct term to denote education in the islamic sense.”

Konsep al-Ta'dīb dalam pendidikan sangat penting untuk diketengahkan kerana gejala keruntuhan akhlak di kalangan umat Islam bukan disebabkan mereka tidak mempunyai pendidikan dan ilmu pengetahuan, tetapi kerana mereka telah kehilangan adab (al-Attas. 1980). Keruntuhan akhlak di kalangan umat Islam sering dikaitkan dengan remaja semata-mata, sedangkan pada hakikatnya ia melibatkan seluruh peringkat dalam masyarakat Islam. Jenayah-jenayah berat seperti pembunuhan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa kebanyakan dilakukan oleh mereka yang lebih tua dan berusia.

Pendidikan liberal dan sekular tidak memberikan perhatian yang sewajarnya kepada aspek pembentukan akhlak (adab) dan rohani yang sihat. Kerana itu tidak hairanlah kita dapati orang yang bijak pandai, mempunyai ilmu dan pendidikan yang tinggi melakukan jenayah seperti melakukan penipuan, pecah amanah, rasuah dan zina (Mohd Kamal Hassan. 1988). Perkara tersebut tidak akan berlakunya sekiranya mereka mempunyai adab atau akhlak, yang akan menjadi benteng dan penghalang kepada perlakuan maksiat dan dosa.

Al-Attas menegaskan bahawa adab adalah prasyarat dalam proses menuntut ilmu. Justeru itu seseorang yang hendak menuntut ilmu mestilah menghormati ilmu tersebut dengan segala kerendahan hati (*tawāḍuʿ*). Demikian juga halnya kepada guru atau muʿaddib yang hendak menyampaikan ilmu tersebut, hendaklah juga menghormati ilmu serta *tawāḍuʿ* supaya proses penitisan ilmu kepada pelajarnya berjaya membentuk mereka menjadi seorang insan yang baik selaras dengan tujuan dan matlamat pendidikan.

Menurut Rosnani Hashim (2001) pendidikan dengan maksud al-Taʿdīb merujuk kepada disiplin jasmani, akal dan rohani secara bersepadu dan seimbang serta berkaitan dengan akidah. Konsep bersepadu dan seimbang merujuk kepada kejadian manusia yang mengandungi dua unsur iaitu aspek rūh dan jasad. Rūh manusia merangkumi beberapa aspek iaitu akal (*ʿaql*), hati (*qalb*) dan jiwa (*nafs*). Manakala aspek jasad adalah segala yang berhubung dengan pancaindera manusia. Menurut Rosnani Hashim lagi;

“matlamat utama Pendidikan Islam ialah untuk melahirkan insan yang baik, yang menerusi perkembangan segala potensinya secara seimbang, membolehkannya menjadi hamba dan khalifah Allah yang berkesanggupan memikul amanah mensejahterakan bumi”

Justeru itu matlamat pendidikan dengan maksud al-Taʿdīb adalah proses menerapkan ilmu dan adab ke dalam diri seseorang insan bagi memimpin mereka mengenali dan mengikhtaf Penciptanya iaitu Allah SWT. Ini selaras dengan tujuan Allah SWT menciptakan manusia, supaya manusia itu beribadat dan menyembah kepadaNya sepertimana FirmanNya (Hassan Langgulung. 1987);

3 وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Maksudnya;

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Menurut sarjana-sarjana Islam terdahulu, kandungan ta'dīb adalah akhlak (Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005). Sebab itulah aspek akhlak dan nilai-nilai murni diberi perhatian yang serius oleh sarjana-sarjana Islam dan dimasukkan dalam Resolusi Persidangan Mengenai Pendidikan Islam pada tahun 1977 di Mekah. Sejarah menunjukkan bahawa Rasulullah SAW adalah contoh terbaik dalam kesempurnaan akhlak, di mana baginda diutuskan oleh Allah SWT antara lain adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia. Ini dijelaskan oleh Baginda SAW di dalam sabdanya;

Maksudnya;

“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”

Pelaksanaan Konsep al-Ta'dīb Dalam Sistem Pendidikan Negara

Pelaksanaan konsep al-Ta'dīb dalam sistem pendidikan negara telah dilaksanakan sejak dua puluh tahun yang lalu kerana asas kepada konsep tersebut telah dijelmakan melalui pelaksanaan KBSR dan KBSM. Konsep tersebut terus diperkasakan melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang bertunjangkan akidah dan akhlak. Falsafah tersebut yang merupakan refleksi kepada Persidangan Pertama Mengenai Pendidikan Islam di Mekah pada tahun 1977 itu berbunyi (Akta Pendidikan 1996);

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara **menyeluruh dan bersepadu** untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi **intelektual, rohani, emosi dan jasmani**, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada **Tuhan**. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang **berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara**”

Tajul Ariffin Nordin & Nor Aini Dan (2007) berpendapat bahawa hala tuju pendidikan di Malaysia sangat baik kerana memberi penekanan yang bersungguh-sungguh kepada aspek akhlak dan penghayatan nilai murni. Ini terbukti melalui Gagasan Kurikulum Bersepadu (KBSR dan KBSM) yang berhasrat mencorakkan murid menjadi insan yang mempunyai pemikiran yang sihat, emosi yang setabil dan kemahiran yang pelbagai. Namun gejala keruntuhan akhlak terus berlaku di kalangan pelajar sehingga menjadi isu negara serta menimbulkan persoalan sejauhmanakah kesanggupan semua pihak yang berkepentingan (stakeholders) termasuk guru sebagai mu’addib dalam memastikan proses pendidikan dilaksanakan menurut acuan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Masalahnya adalah dari aspek pelaksanaan di peringkat sekolah yang berlaku ketirisan dan kelompangan. Kefahaman guru tentang konsep sepadu tidak sama dengan konsep sepadu yang dikehendaki dalam falsafah tersebut. Akibatnya proses ta’dib tidak berlaku, yang terjadi hanyalah ta’lim (pengajaran).

Masalah pelaksanaan di peringkat sekolah dapat digambarkan melalui satu kajian yang dilakukan oleh Ab. Halim Tamuri (2000) berkaitan dengan pengajaran akhlak di kalangan pelajar tingkatan 4 di negeri Selangor dan Negeri Sembilan yang mendapati 8 orang daripada 27 pelajar yang ditemubual menghadapi masalah dalam pengajaran yang diberikan oleh guru. Menurut beliau, antara faktornya ialah;

³ Al-Qur’ān, Al-Zāriyāt 51:56

1. Murid tidak memahami apa yang dipelajari kerana kabur terhadap penjelasan yang dibuat oleh guru.
2. Mereka tidak dapat mengaitkan apa yang dipelajari di dalam bilik darjah dengan apa yang diamalkan dalam kehidupan seharian.
3. Mereka rasa mengantuk semasa P&P serta tidak dapat memberi tumpuan pelajaran kerana bosan dengan cara pengajaran guru.
4. Terdapat guru yang menunjukkan contoh yang tidak baik semasa meaksanakan proses pengajaran.

Oleh yang demikian guru mestilah diberi latihan yang berterusan serta diberi kefahaman yang mendalam terhadap FPK khususnya, memandangkan peranan mereka sangat penting kerana dalam konteks apa-apa kurikulum sekalipun, mereka adalah merupakan jambatan di antara ilmu (adab) dengan murid. Jika kukuh jambatan itu, maka berjayalah ilmu (adab) itu diseberangkan (Ahmad Mohd Said. 2001).

Guru Sebagai Mua'ddib.

Di dalam proses ta'dīb, guru adalah sebagai mu'addib yang memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan penitisan adab ke dalam diri murid dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sebagai mu'addib, guru mempunyai peranan yang sangat besar meliputi usaha mengasuh, mendidik, membentuk, membimbing, menanam, menyuci, menitis dan menyuburkan akhlak, disiplin dan sakhsiyyah pelajar bertunjangkan tauhid dan keimanan kepada Allah SWT. (Ab. Halim Tamuri. 2006).

Ibnu Sahnun ketika menghuraikan tanggungjawab dan peranan guru sebagai mu'addib, dengan tegas melarang guru meninggalkan tanggungjawab mendidik pelajar. Ketegasannya dapat dilihat apabila beliau berpendapat perbuatan guru meninggalkan tugas mengajar walaupun untuk menghadiri solat jenazah dan menziarahi orang sakit

adalah haram (Husaain, Abu Labābah. 1979).

Penekanan terhadap konsep at-Ta'dīb menuntut guru terlebih dahulu menjadi seorang yang benar-benar beradab sama ada terhadap ketua, orang yang lebih tua, rakan sekerja, pelajar dan apatah lagi terhadap Allah swt. Ringkasnya guru perlu mempunyai sakhsiyyah atau keperibadian muslim yang bertaqwa dan dalam waktu yang sama perlu sentiasa mempertingkatkan kemahiran profesionalnya iaitu mendidik. Kemahiran profesional ini termasuklah kemahiran mengajar dalam bilik darjah, kemahiran psikologi pelajar, pengurusan waktu dan sebagainya. Oleh sebab itu proses melahirkan guru hendaklah mengambil kira konsep ta'dīb agar matlamat melahirkan murid yang baik dapat direalisasikan. Sebab itu Persidangan Dunia Pertama mengenai Pendidikan Islam yang diadakan di Mekah pada tahun 1977 juga menekankan pentingnya aspek pendidikan guru. Antara lain, persidangan tersebut mencadangkan (Asraf. 1985);

1. Guru-guru muslim hendaklah dilatih supaya idea dan konsep mereka diilhamkan oleh keimanan, dan peribadi mereka hendaklah berlandaskan Islam supaya mereka boleh menjadi contoh dan teladan yang baik kepada pelajar.
2. Pemilihan dan perlantikan seorang guru tidak seharusnya berdasarkan kelulusan akademik semata-mata, tetapi juga hendaklah mengambil kira aspek keperibadian dan akhlak mereka.
3. Institusi latihan guru hendaklah diberi perhatian dan peruntukan yang sewajarnya supaya bakal guru dapat dilengkapi dengan berbagai kemahiran, di samping memberi motivasi dan galakan kepada mereka.

Peranan guru sebagai mu'addib banyak dibincangkan oleh sarjana-sarjana Islam seperti al-Ghazālī, Ibnu Sahnūn dan al-Qābisy. Mereka memberi penekanan kepada aspek akhlak dan kualiti guru kerana faktor guru memberi implikasi terhadap sesuatu kejayaan dalam proses pendidikan. Menurut Abdul Halim El-Muhammady (1986) guru sebagai mu'addib bertanggungjawab mempertingkatkan segala potensi orang yang berada di

bawah didikannya (murid) dari segi akal, jasmani, rohani dan emosi secara bersepadu. Maka seorang mu'addib memerlukan kepada kelengkapan diri yang cukup untuk memikul tanggungjawab yang sangat berat itu. Justeru itu menurut beliau, seorang mu'addib hendaklah mempunyai sifat-sifat berikut;

1. Seorang mu'addib hendaklah bersifat zuhud dan memberi pelajaran kerana mencari keredaan Allah. Ini bukan bermakna guru tidak boleh menerima ganjaran daripada usaha mereka itu, tetapi matlamat kerja hendaklah jangan diukur dengan kebendaan.
2. Seorang mu'addib juga hendaklah menjaga kebersihan diri daripada kekotoran-kekotoran aspek ^cadat dan syarā^c. Maksudnya sebagai mu'addib seorang guru hendaklah bersih fizikalnya, pakaiannya dan juga bersih rohaninya dari sifat-sifat mazmūmah supaya murid mempunyai perasaan hormat kepadanya.
3. Seorang mu'addib juga hendaklah mempunyai keikhlasan dalam bekerja. Keikhlasan dalam melaksanakan proses ta'dib boleh mendorong kepada kejayaan muridnya. Di antara keikhlasan yang dapat dilihat pada diri seseorang mu'addib ialah melaksanakan apa yang dijanjikan, tingkah lakunya tidak berlawanan dengan ilmunya, tidak malu mengakui hakikat kurang mengetahui sesuatu perkara dan sentiasa berusaha secara berterusan mendalami ilmu pengetahuan. Sifat ini juga boleh mengelakkan gejala di mana guru menolak untuk ditempatkan (posting) di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman. Isu kekurangan guru di kawasan pedalaman mungkin dapat dikurangkan dan ini boleh merapatkan jurang pengetahuan di antara murid luar bandar dengan murid bandar.
4. Seorang mu'addib juga hendaklah mempunyai sifat lemah lembut (al-hilm), bersopan santun, boleh menguasai diri, melayani murid dengan penuh perhatian dan sabar menghadapi kerenah dan kelemahan pelajar. Oleh kerana ta'dib itu merupakan penitisan ilmu, ia mestilah dilakukan dengan berhati-hati, tidak bergopoh-gapah dan beransur-ansur. Situasi ini tentulah memerlukan kesabaran

yang tinggi. Walaupun demikian, menurut al-Qābisi, guru hendaklah tegas terutama dalam memastikan murid tidak melanggar peraturan sekolah (Gamal Abdul Nasir Zakaria. 2003). Hukuman yang sewajarnya hendaklah diambil keatas murid yang melakukan kesalahan, kerana hukuman merupakan salah satu daripada elemen penting dalam proses pendidikan.

5. Seorang mu'addib juga hendaklah sentiasa menjaga kehebatan dan kehormatan diri dengan cara tidak melibatkan diri dalam perkara dan suasana yang boleh menjatuhkan maruahnya, samada dalam cara berpakaian, pertuturan, pergaulan, perbuatan dan seumpamanya.
6. Seorang mu'addib juga hendaklah sentiasa merasa dirinya sebagai bapa kepada muridnya. Dengan itu seorang mu'addib akan mengasihi dan mengambil berat kepentingan murid-muridnya sepertimana mereka menyayangi anak sendiri. Ilmu yang dititiskan kepada murid dalam keadaan penuh kasih sayang dan ikhlas akan meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran.
7. Seorang mu'addib juga hendaklah memahami dengan jelas tabiat dan kemampuan muridnya. Dengan ini akan memudahkannya menyesuaikan bahan dan kaedah pengajaran supaya membantu kefahaman murid terhadap sesuatu pelajaran. Untuk memahami tabiat dan kemampuan murid, guru hendaklah sentiasa membanyakkan bacaan teruamanya buku-buku yang berkaitan dengan psikologi. Ini boleh membantu guru meningkatkan pengetahuan.
8. Seorang mu'addib juga hendaklah mempunyai ilmu yang mantap dan mendalam terutama dalam bidang yang diajarkannya. Justeru itu, amat perlu mereka membuat persediaan yang baik dengan membanyakkan bacaan dan kajian. Kemampuan ilmu yang tinggi akan dapat menimbulkan rasa hormat dan kepercayaan murid dan juga ibu bapa terhadap seseorang mu'addib.

Kesimpulan

Konsep al-Ta'dib dalam pendidikan perlu diperkasakan dalam sistem pendidikan negara kerana keruntuhan akhlak terus berleluasa di kalangan umat Islam. Keruntuhan akhlak sebenarnya boleh dikaitkan dengan banyak faktor seperti kelemahan penguatkuasaan undang-undang, pengaruh media, pergaulan bebas dan banyak lagi. Namun begitu, keberkesanan sistem pendidikan tidak dapat dinafikan turut menyumbang kepada gejala keruntuhan akhlak. Faktor guru turut memainkan peranan dalam memastikan kejayaan sesuatu proses pendidikan. Sebab itu para sarjana Islam ketika membahaskan tentang pendidikan, tidak pernah meninggalkan perbincangan mengenai peranan guru dalam proses pendidikan.

Selain dari itu proses melaksanakan ta'dib sepatutnya tidak diserahkan kepada guru semata-mata, kerana ibu bapa terutamanya dan masyarakat perlu turut sama memainkan peranan dalam memastikan generasi akan datang menjadi seorang insan yang kamil. Pada peringkat awal kehidupan kanak-kanak, peranan ibu bapa dalam menerapkan ilmu dan akhlak kepada mereka adalah sangat penting. Ini adalah kerana pada peringkat umur tersebut, kanak-kanak mudah menerima konsep dan maklumat. Apabila mereka masuk ke alam persekolahan guru-guru akan lebih mudah menggilap pengetahuan sedia ada murid di samping mendedahkan ilmu-ilmu baru.

Masyarakat juga berperanan dalam usaha melaksanakan proses ta'dib kepada pelajar. Ungkapan dan pepatah Melayu "*Jangan jaga tepi kain orang lain*" tidak sesuai dengan ajaran Islam yang menekankan konsep "Menyeru kepada kepada yang ma'ruf dan mencegah perkara mungkar" (الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر). Dalam ertikata lain, masyarakat wajib menyampaikan perkara makruf dan mecegah kemungkaran sekiranya melihat perlakuan maksiat dan dosa di kalangan masyarakat berlaku di persekitaran mereka.

Bagaimanapun guru, ibu bapa dan setiap anggota masyarakat sebagai mu'addib hendaklah terlebih dahulu menunjukkan adab dan akhlak yang baik supaya menjadi contoh dan teladan kepada remaja. Ini akan menimbulkan rasa hormat kepada mereka terutama di kalangan pelajar khususnya. Tanpa teladan yang baik, pendidikan dalam erti kata al-Ta'dib tidak akan berlaku. Sebaliknya yang terjadi hanyalah proses pengajaran dan pemindahan ilmu kepada murid semata-mata.

Bibliografi

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1980. *The Concept of Education In Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1977. *Aims And Objectives Of Islamic Education*. Jeddah: King Abdulaziz University.
- Abdul Halim El-Muhammady. 1986. Peranan Guru Dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam* 1(4): 1-8.
- Abu ^CArrād, Sāleh ^CAli. 2007. *Al-Tarbiyyat al-Islamiyyat: al-Mustalah wa al-Mafhūm*. <http://saaaid.net/Doat/arrad/17.htm>. [23 Mac 2007]
- Ab. Halim Tamuri. 2006. Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan. *Buku Panduan Kursus Peningkatan Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah 2006*. Hlmn. 34–54. Putrajaya: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, KPM.
- Ahmad Bin Mohd Said. 2001. Konsep Pelaksanaan Pendidikan Bersepadu: Kurikulum Dan Latihan Guru. *Jurnal Pendidikan Islam* 9(3): 9-16.
- Akta Pendidikan 1996 (Malaysia).
- Asraf, Syed ^CAli. 1994. *Horizon Baru Dalam Pendidikan Islam*. Terj. Ismail Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. 2003. *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam: Ibnu Sahnun, al-Qabisi, Ibnu Khaldun*. Bentong Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hasan Langgulong. 1987. *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Penerbit Pustaka Al-Husna.
- Hussain, Abu Labābah. 1979. *al-Tarbiyyat fī al-Sunnat al-Nabawiyyat*. Riyāḍ: Dār al-Liwā’.
- Mohd Kamal Hassan. 1988. Peranan Akhlak Dalam Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Islam* 2(7): 1-12.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2002. *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rosnani Hashim. 2001. Kurikulum Pendidikan Dari Perspektif Islam Dalam Konteks Pendidikan DI Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam* 9(4): 9-26.

Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal-Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987).

Tajul Ariffin Noordin & Nor 'Aini Dan. 2007. Dlm. Norlena Salamuddin et al. (pnyt.). Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Negara Ketiga. Hlmn. 147 – 152. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Mohd Nor Wan Daud. 1998. *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib Al-Attas: An Exposition of The Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.